



GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN KELAS

BAHAGIAN PELESENAN DAN TARIF
BERKUATKUASA 1 JANUARI 2024

ISI KANDUNGAN

| | | |
|-------------|---|-----------|
| 1.0 | AKRONIM | 2 |
| 2.0 | ISTILAH DAN TAKRIFAN | 2 |
| 3.0 | PENGENALAN | 5 |
| 4.0 | OBJEKTIF..... | 6 |
| 5.0 | KELAYAKAN..... | 7 |
| 6.0 | DOKUMEN SOKONGAN DAN SENARAI SEMAK PERMOHONAN | 7 |
| 7.0 | TATACARA PERMOHONAN LESEN KELAS | 21 |
| 8.0 | KELULUSAN / PENOLAKAN / PENGEMASKINIAN PERMOHONAN LESEN KELAS | 22 |
| 9.0 | BAYARAN FI PENDAFTARAN LESEN KELAS | 24 |
| 10.0 | PERUBAHAN BUTIRAN NOTIS PENDAFTARAN LESEN KELAS | 25 |
| 11.0 | LAWATAN TAPAK BAGI MEMERIKSA KEADAAN LOJI RAWATAN AIR/ LOJI RAWATAN KUMBAHAN | 25 |

1.0 AKRONIM

1.1 Beberapa akronim di dalam garis panduan ini adalah seperti berikut:

| AKRONIM | DEFINISI |
|---------|---|
| CST | <i>Communal Septic Tank</i> atau tangki septik komunal |
| eCLAPS | <i>electronic Class Licence And Permit System</i> |
| IST | <i>Individual Septic Tank</i> atau tangki septik individu |
| JAS | Jabatan Alam Sekitar |
| JSM | Jabatan Standard Malaysia |
| KKM | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| PBT | Pihak Berkuasa Tempatan |
| SPAN | Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara |
| SSTS | <i>Small Sewage Treatment System</i> atau Sistem Rawatan Kumbahan Kecil |
| SSM | Suruhanjaya Syarikat Malaysia |

2.0 ISTILAH DAN TAKRIFAN

2.1 Bagi tujuan Garis Panduan ini, takrifan berikut adalah terpakai:

| ISTILAH | TAKRIFAN |
|----------|---|
| Air | Berhubung dengan pengagihan atau pembekalan air, ertiya air yang telah dirawat. |
| Akta 655 | Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. |
| Alur Air | Termasuklah sungai, anak sungai dan suak termasuk mana-mana cawang sungai, cabang |

| ISTILAH | TAKRIFAN |
|-----------------------------|---|
| | sungai atau lengcongan buatan mengenainya, laut, tasik, air bawah tanah, empangan, takungan, longkang, parit dan laluan, selain paip, yang air mengalir melaluinya bagi pembekalan air ke mana-mana premis. |
| Kumbahan | Apa-apa lepasan cecair yang mengandungi kumuhan manusia, haiwan atau bahan nabati dalam bentuk terampai atau larutan yang diperoleh daripada aktiviti domestik dan terhasil dari premis rumah, komersial, institusi dan industri termasuk lepasan cecair dari tandas, besen, singki, bilik air dan apa-apa perkakas kebersihan lain tetapi tidak termasuk air hujan dan efluen terlarang. |
| Pemegang Lesen Kemudahan | Orang yang dilesenkan di bawah Akta 655 untuk memiliki suatu sistem bekalan air atau sistem pembetungan atau mana-mana bahagian daripada sistem itu. |
| Pemegang Lesen Perkhidmatan | Orang yang dilesenkan di bawah Akta 655 untuk menyediakan perkhidmatan bekalan air atau perkhidmatan pembetungan atau mana-mana bahagian daripada perkhidmatan itu. |
| Pemilik | Orang yang memiliki sistem bekalan air atau sistem pembetungan. |
| Pengendali | Orang yang bertanggungjawab melaksana, mengurus, menyelia dan mengatur segala hal ehwal berkaitan operasi harian sistem bekalan air atau sistem pembetungan. |
| Penyenggara | Orang yang bertanggungjawab menjalankan perkhidmatan penyenggaraan sistem bekalan air atau sistem pembetungan tetapi tidak melibatkan pengendalian sistem tersebut. |

| ISTILAH | TAKRIFAN |
|---------------------------------|---|
| Peraturan Pelesenan | Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air (Pelesenan) 2007. |
| Perkhidmatan Bekalan Air | Perawatan air yang diambil daripada alur air dan pengagihan dan pembekalan air yang telah dirawat kepada pengguna dan termasuklah pengendalian dan penyenggaraan sistem bekalan air. |
| Perkhidmatan Pembetungan | Pengumpulan, pembawaan, perawatan dan pelupusan kumbahan atau enap cemar kumbahan dan termasuklah pengendalian dan penyenggaraan sistem pembetungan dan penyahenap cemar tangki septik. |
| Sistem Bekalan Air Persendirian | <p>a) Sistem bekalan air yang digunakan semata-mata untuk maksud membekalkan air kepada pemilik atau penghuni sesuatu premis atau tetamu atau jemputan pemilik atau penghuni itu untuk penggunaan persendirian; atau</p> <p>b) Apa-apa sistem bekalan air lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya.</p> |
| Sistem Pembetungan Persendirian | Sistem yang mengandungi pembetung, paip pelupusan, stesen pengepam atau tempat rawatan kumbahan atau apa-apa kombinasinya dan segala struktur, kelengkapan dan perlengkapan lain (selain perpaipan pembetungan dalaman individu, perpaipan pembetungan dalaman bersama atau tangki septik) yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi pengumpulan, pembawaan, pengepaman atau perawatan kumbahan dan enap cemar kumbahan atau pelupusan efluen kumbahan terawat atau enap cemar kumbahan terawat. |

3.0 PENGENALAN

- 3.1 Seksyen 20, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] memperuntukkan bahawa tiada seseorang pun boleh **memiliki atau mengendalikan sistem bekalan air persendirian** atau **sistem pembetungan persendirian** atau mana-mana bahagian sistem itu, melainkan jika dia memegang suatu lesen kelas.
- 3.2 Selaras dengan seksyen 25(1), Akta 655, pemilik dan pengendali sistem bekalan air persendirian atau sistem pembetungan persendirian dikehendaki untuk mengemukakan permohonan lesen kelas.
- 3.3 Terdapat **dua (2) jenis lesen kelas** iaitu **lesen kemudahan dan lesen perkhidmatan**. **Pemilik sistem** perlu memohon **lesen kemudahan**, manakala **pengendali sistem** perlu memohon **lesen perkhidmatan**. Sekiranya pemohon merupakan pemilik dan juga pengendali sistem, hanya satu permohonan lesen kelas merangkumi lesen kemudahan dan perkhidmatan perlu dikemukakan.
- 3.4 Lesen kelas hendaklah dipohon **bagi setiap sistem** bekalan air persendirian atau sistem pembetungan persendirian **bagi setiap lokasi**.
- 3.5 **Pemegang lesen individu** iaitu seseorang yang memiliki atau/dan mengendali **sistem bekalan air awam atau sistem pembetungan awam tidak dikehendaki** untuk memohon lesen kelas bagi aktiviti yang dinyatakan di perenggan 1.2 yang berada dalam kawasan pengagihan bekalan air atau kawasan perkhidmatan pembetungannya, jika terma lesen individu itu memberarkan pemegang lesen individu itu menjalankan apa-apa aktiviti sedemikian.
- 3.6 Perintah 2 dan 3 di bawah Perintah Industri Perkhidmatan Air (Pelesenan) (Pengecualian) 2007 memperuntukkan bahawa **Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah dikecualikan** daripada kehendak memegang lesen kelas. Walau bagaimanapun, Kerajaan

Persekutuan dan Kerajaan Negeri **dikehendaki untuk mematuhi kewajipan dan obligasi di bawah Akta 655 seolah-olah ia adalah pemegang lesen kelas.**

- 3.7 Walau bagaimanapun, sekiranya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melantik pihak ketiga (kontraktor) untuk mengendalikan sistemnya, maka kontraktor tersebut dikehendaki untuk memohon lesen kelas perkhidmatan.
- 3.8 Semua pemohon lesen kelas perlu mengisyiharkan Deklarasi Integriti sebagai satu pengesahan bahawa pemohon telah mematuhi semua keperluan Polisi Integriti Dan Anti Rasuah SPAN.
- 3.9 **Di bawah seksyen 20(4), Akta 655, kegagalan memegang lesen kelas** merupakan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, **didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit (RM200,000)** atau **dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.**

4.0 OBJEKTIF

- 4.1 Garis Panduan Permohonan Lesen Kelas [Garis Panduan] ini menggariskan tatacara permohonan yang terpakai bagi setiap pemohon untuk pendaftaran lesen kelas. SPAN berhak mengubah atau mengemaskini Garis Panduan ini dari semasa ke semasa.
- 4.2 Pemohon adalah diminta untuk merujuk kepada Garis Panduan untuk mendapatkan maklumat ke atas pindaan dan pengemaskinian yang dibuat.

5.0 KELAYAKAN

- 5.1 Kelayakan untuk memohon lesen kelas adalah seperti yang berikut:
- i. syarikat yang diperbadankan di Malaysia;
 - ii. individu yang merupakan warganegara atau pemastautin tetap;
 - iii. badan berkanun yang ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia; atau
 - iv. mana-mana orang atau golongan orang yang lain sebagaimana yang diputuskan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

6.0 DOKUMEN SOKONGAN DAN SENARAI SEMAK PERMOHONAN

- 6.1 Dokumen-dokumen bagi permohonan lesen kelas yang perlu dikemukakan terdiri daripada maklumat-maklumat berikut:
- i. **Maklumat umum** – terpakai kepada semua pemohon;
 - ii. **Jenis lesen** – lesen kemudahan / lesen perkhidmatan; dan
 - iii. **Jenis sistem** – sistem bekalan air / sistem pembetungan.

6.2 Maklumat Umum

- i. Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap secara dalam talian (*online*) melalui sistem eCLAPS. Pemohon boleh merujuk kepada “Nota Panduan Mengisi Borang *Online* Bagi Permohonan Lesen Kelas” yang boleh dicapai di halaman utama sistem eCLAPS. Maklumat yang perlu dilengkapskan merangkumi maklumat permohonan, jenis permohonan, maklumat sistem, penyenggaraan sistem, laporan kualiti

air/efluen, dokumen sokongan dan deklarasi permohonan & integriti.

- ii. Pemohon perlu mengisyiharkan deklarasi integriti melalui sistem eCLAPS untuk mengesahkan bahawa pemohon telah mematuhi semua keperluan Polisi Integriti dan Anti Rasuah SPAN.
- iii. Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen pengenalan atau pendaftaran entiti seperti yang berikut dengan memuat naik dokumen di dalam sistem eCLAPS:

| BIL. | PEMOHON | DOKUMEN PENGENALAN |
|------|--|--|
| a. | Syarikat yang diperbadankan di Malaysia | <p>i) Borang 9 SSM atau Borang 13 SSM (Sijil Pemerbadanan) bagi syarikat Berhad atau Sdn. Bhd.;</p> <p>ii) Borang D SSM bagi Pendaftaran Perniagaan atau Borang E SSM bagi Milikan Tunggal/Perkongsian; atau</p> <p>iii) Maklumat syarikat yang dijana daripada perkhidmatan e-Info SSM.</p> <p><i>(Nota: Maklumat pendaftaran SSM hanya perlu dimuat naik sekiranya proses integrasi sistem dengan SSM gagal)</i></p> |
| b. | Individu yang merupakan warganegara atau pemastautin tetap | Salinan kad pengenalan atau <i>passport</i> . |

| BIL. | PEMOHON | DOKUMEN PENGENALAN |
|------|--|--|
| c. | Badan berkanun yang ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia | <p>i) Dokumen Penubuhan di bawah Akta Parlimen atau Kementerian masing-masing;</p> <p>ii) Perakuan Pendaftaran Koperasi/Pertubuhan; atau</p> <p>iii) Sijil Perakuan Penubuhan Badan Pengurusan Bersama/ Perbadanan Pengurusan.</p> <p><i>(Nota: Dokumen ini hanya perlu dikemukakan sekali sahaja semasa kali pertama memohon melalui sistem eCLAPS)</i></p> |

6.3 Jenis Lesen: Lesen Kelas Kemudahan

- i. Pemohon hendaklah mengemukakan bukti pemilikan sistem bekalan air atau sistem pembetungan seperti yang berikut:

| BIL. | JENIS PEMILIKAN | DOKUMEN KETUANPUNYAAN |
|------|-------------------------------|--|
| a. | Tanah atas nama pemohon | <p>i) Geran tanah;</p> <p>ii) Bil cukai tanah;</p> <p>iii) Hasil carian Pejabat Tanah; atau</p> <p>iv) Rekod pajakan di atas nama pemohon.</p> |
| b. | Tanah bukan atas nama pemohon | <p>i) Bukti pemilikan tanah atas nama pemilik sebenar seperti di 6.3 (i)(a); dan</p> <p>ii) Salinan perjanjian pajakan di antara pemilik tanah dan pemohon dengan</p> |

| BIL. | JENIS PEMILIKAN | DOKUMEN KETUANPUNYAAN |
|------|-----------------|--|
| | | <p>maklumat tempoh pajakan yang masih sah; atau</p> <p>iii) Salinan perjanjian penyewaan tanah/premis di antara pemilik dan pemohon yang menyatakan dengan jelas tanggungjawab pemohon ke atas premis termasuk sistem bekalan air atau sistem pembetungan dengan maklumat tempoh penyewaan yang masih sah; atau</p> <p>iv) Salinan <i>power of attorney</i> yang diberikan oleh pemilik kepada pemohon; atau</p> <p>v) Surat penyerahan hak penggunaan tanah daripada pemilik kepada pemohon (Rujuk Lampiran A).</p> <p><i>(Nota: Dokumen bagi item i dan iv hanya perlu dikemukakan sekali sahaja semasa kali pertama memohon melalui sistem eCLAPS. Manakala bagi item ii, iii dan v, dokumen yang dikemukakan hendaklah mengandungi tempoh yang masih sah dan terkini)</i></p> |

6.4 Jenis Lesen – Lesen Kelas Perkhidmatan

- i. Pemohon hendaklah memiliki kelayakan untuk mengendalikan sistem bekalan air atau sistem pembetungan. Pemohon hendaklah mempunyai **sekurang-kurangnya seorang pegawai dengan kelulusan teknikal atau mempunyai pengalaman**

dalam mengendalikan sistem bekalan air atau sistem pembetungan.

- ii. Pemilik atau pengendali sistem yang melantik kontraktor untuk menjalankan **kerja-kerja penyenggaraan** sistem bekalan air atau pembetungan persendirian hendaklah memastikan kontraktor tersebut **memiliki Permit IPA Jenis D [Permit D] (pembetungan)** yang sah daripada SPAN bagi negeri-negeri di mana kerja-kerja tersebut dilaksanakan. Sebagai contoh, kontraktor yang menyenggara sistem di Negeri Selangor hendaklah memiliki Permit D (pembetungan) Negeri Selangor. Sekiranya tempoh perjanjian dengan kontraktor hampir/telah/akan ditamatkan, penyambungan tempoh kontrak/pelantikan kontraktor baru hendaklah dilaksanakan dalam tempoh dua (2) bulan sebelum tamat kontrak.
- iii. Pemilik atau pengendali sistem yang melantik kontraktor untuk menjalankan **kerja-kerja pelupusan enap cemar kumbahan (wet sludge)** dan/atau **enap cemar kumbahan terawat (dry sludge)** hendaklah memastikan kontraktor tersebut **memiliki Permit IPA Jenis E [Permit E] – Penyahanap Cemar (mengikut negeri) yang sah** daripada SPAN dan sekiranya tempoh perjanjian dengan kontraktor hampir/telah/akan ditamatkan, penyambungan tempoh kontrak/pelantikan kontraktor baru hendaklah dilaksanakan dalam tempoh dua (2) bulan sebelum tamat kontrak.
- iv. Pemilik sistem pembetungan jenis sistem rawatan kumbahan kecil (SSTS) adalah **dikecualikan daripada keperluan melantik kontraktor untuk kerja-kerja penyenggaraan**. Walau bagaimanapun, pemilik bertanggungjawab sepenuhnya ke atas operasi dan penyenggaraan sistem ini. Manakala bagi **kerja-kerja pelupusan enap cemar kumbahan (wet sludge)** dan/atau **enap cemar kumbahan terawat (dry sludge)** pula,

kontraktor yang dilantik hendaklah **memiliki Permit E – Penyahanap Cemar (mengikut negeri) yang sah** daripada SPAN. Kerja-kerja pelupusan hendaklah dilaksanakan dengan kekerapan **sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun**.

6.5 Jenis Sistem – Sistem Bekalan Air

- i. Pemohon hendaklah mengemukakan:
 - a. **surat kelulusan / kebenaran / lesen abstraksi air mentah** yang diperolehi daripada Kerajaan Negeri atau Pejabat Tanah dan Galian. Lesen abstraksi air mentah hendaklah masih sah tempoh semasa permohonan lesen kelas dikemukakan; atau
 - b. **sesalinan surat permohonan** kepada Kerajaan Negeri atau Pejabat Tanah dan Galian yang berkenaan sekiranya masih belum mendapat kelulusan abstraksi air mentah sebagai bukti bahawa permohonan tersebut telahpun dikemukakan. Salinan **kelulusan yang diperolehi yang telah diperakui sah perlu dikemukakan kepada SPAN** dengan segera **tidak melebihi lima (5) hari bekerja** dari tarikh penerimaan kelulusan tersebut selaras dengan syarat standard lesen kelas.
- ii. Pemohon hendaklah mengemukakan laporan ujian kualiti air terawat yang dikeluarkan oleh KKM atau makmal yang diiktiraf oleh JSM. Tarikh laporan tersebut hendaklah **tidak melebihi enam (6) bulan** daripada tarikh permohonan dikemukakan.
- iii. Keputusan laporan ujian kualiti air terawat yang dikemukakan hendaklah mematuhi piawaian yang tetapkan seperti berikut:

- a) Bekalan air untuk **kegunaan minuman**: Mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh KKM bagi kesemua parameter utama seperti yang berikut:

| NO. | PARAMETER | *PIAWAIAN KKM |
|-----|--------------------|---------------------------|
| 1. | pH | 6.5 – 9.0 |
| 2. | Baki Klorin (mg/L) | 0.2 – 5.0 |
| 3. | Aluminium (mg/L) | <0.2 |
| 4. | Kekeruhan (NTU) | <5.0 |
| 5. | E-Coli (mg/L) | 0 (<i>Not Detected</i>) |

*Nota: Tertakluk kepada piawaian semasa yang ditetapkan oleh KKM

- b) Bekalan air untuk **kegunaan selain minuman (non-potable use)**: Mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Menteri bagi kesemua parameter utama seperti yang berikut:

| NO. | PARAMETER | *PIAWAIAN KKM |
|-----|--------------------|---------------------------|
| 1. | pH | 5.0 – 9.0 |
| 2. | Aluminium (mg/L) | <0.2 |
| 3. | Kekeruhan (NTU) | <5.0 |
| 4. | E-Coli (mg/L) | 0 (<i>Not Detected</i>) |
| 5. | Baki Klorin (mg/L) | Tidak diperlukan |
| 6. | Florida | Tidak diperlukan |

*Nota: Piawaian yang perlu dipatuhi oleh semua pemegang lesen pengagihan air dan pemegang lesen kelas bagi tujuan kegunaan bekalan air industri terhad kepada rawatan air yang mengambil sumber air mentah daripada alur air sahaja

6.6 Jenis Sistem – Sistem Pembetungan

- i. Permohonan lesen kelas adalah **tidak terpakai kepada pemilik/pengendali tangki septik individu (IST) atau tangki septik komunal (CST)**. Walau bagaimanapun, pendaftaran lesen kelas

diperlukan bagi SSTS dan tangki septik mekanikal yang berkapasiti di antara 31 PE sehingga 149 PE.

- ii. Perincian skop kerja bagi perkhidmatan pengendalian dan penyenggaraan adalah seperti berikut:

| BIL. | SKOP KERJA | PERINCIAN |
|-------------------------|--|---|
| A. Pengendalian | | |
| 1. | Aktiviti untuk memastikan sistem menghasilkan output pada tahap yang dikehendaki dan dengan mematuhi peruntukan perundangan sedia ada. | Aktiviti untuk memastikan output sistem pembetungan tersebut berada di tahap yang dikehendaki dan mematuhi perundangan sedia ada yang terpakai seperti Akta 655, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. |
| 2. | Pengoperasian, pengurusan dan pengawalan sistem termasuk tetapi tidak terhad kepada proses, peralatan (mekanikal, bukan mekanikal dan elektrikal), keselamatan dan sekuriti bagi memastikan sistem itu berfungsi pada tahap yang sepatutnya. | Pengoperasian sistem, pengurusan termasuk tenaga kerja dan pengawalan sistem pembetungan (cth: SCADA), keselamatan sistem dan sekuriti sistem tersebut (Cth: EWS). |
| B. Penyenggaraan | | |
| 1. | Aktiviti untuk memastikan peralatan sistem (mekanikal, bukan mekanikal dan elektrikal) berfungsi secara efisyen untuk mencapai objektif pengendalian. | Aktiviti yang menyokong pengendalian sistem pembetungan tersebut bagi membolehkan ia berfungsi secara efisyen. |

| BIL. | SKOP KERJA | PERINCIAN |
|------|--|---|
| 2. | Penggantian dan servis peralatan (mekanikal, bukan mekanikal dan elektrikal) serta pembersihan tangki. | Kerja-kerja penggantian dan servis alat ganti serta pembersihan tangki-tangki di unit proses di dalam sistem pembetungan tersebut. |
| 3. | Pembersihan debris, grit dan gris. | Pembersihan debris, grit dan gris daripada unit proses. |
| 4. | Kerja-kerja <i>housekeeping</i> seperti pemotongan rumput, cat dan pembaikan pagar tidak termasuk dibawah skop kerja penyenggaraan. | <p>Berikut adalah senarai kerja yang tidak termasuk di dalam skop penyenggaraan tetapi tidak terhad kepada:</p> <p>Kontraktor bagi kerja-kerja pemotongan rumput dan pembersihan semak samun, pencucian longkang perimeter, mengecat bangunan/ tangki/ unit proses/ pagar/ tembok dan pemasangan, pembaikan dan penggantian pagar (yang tidak melibatkan pembinaan dan pembaikan struktur (major) seperti tembok).</p> |

- iii. Pemohon hendaklah mengemukakan laporan ujian kualiti efluen yang **dikeluarkan oleh makmal yang diiktiraf oleh JSM**. Tarikh laporan tersebut hendaklah **tidak melebihi enam (6) bulan** daripada tarikh permohonan dikemukakan.

- iv. Keputusan laporan ujian kualiti efluen yang dikemukakan bagi sistem rawatan kumbahan berkapasiti 150 PE dan ke atas hendaklah **mematuhi standard yang ditetapkan oleh JAS** di dalam Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 sepetimana di bawah:

- a) Sistem Rawatan Kumbahan yang **diluluskan selepas 10 Disember 2009**:

| NO. | PARAMETER | UNIT | STANDARD | |
|-----|---|------|----------|-----|
| | | | A | B |
| 1. | BOD pada 20° | mg/L | 20 | 50 |
| 2. | COD | mg/L | 120 | 200 |
| 3. | Pepejal Terampai | mg/L | 50 | 100 |
| 4. | Minyak Dan Gris | mg/L | 5 | 10 |
| | Parameter Tambahan Bagi Sungai | | | |
| 5. | Nitrogen Ammonia | mg/L | 10 | 20 |
| 6. | Nitrogen Nitrat | mg/L | 20 | 50 |
| | Parameter Tambahan Bagi Badan Air Yang Terkepung | | | |
| 7. | Nitrogen Ammonia | mg/L | 5 | 5 |
| 8. | Nitrogen Nitrat | mg/L | 10 | 10 |
| 9. | Fosforus | mg/L | 5 | 10 |

- b) Sistem Rawatan Kumbahan yang **diluluskan di antara Januari 1999 sehingga 10 Disember 2009**:

| NO. | PARAMETER | UNIT | STANDARD | |
|-----|------------------|------|----------|-----|
| | | | A | B |
| 1. | BOD pada 20° | mg/L | 20 | 50 |
| 2. | COD | mg/L | 120 | 200 |
| 3. | Pepejal Terampai | mg/L | 50 | 100 |
| 4. | Minyak Dan Gris | mg/L | 20 | 20 |
| 5. | Nitrogen Ammonia | mg/L | 50 | 50 |

- c) Sistem Rawatan Kumbahan yang **diluluskan sebelum Januari 1999**:

| NO. | PARAMETER | UNIT | TANGKI IMHOFF | | LAGUN PENGUDARAAN | | KOLAM OKSIDASI | | SISTEM MEKANIKAL | |
|-----|------------------|------|---------------|-----|-------------------|-----|----------------|-----|------------------|-----|
| | | | A | B | A | B | A | B | A | B |
| 1. | BOD pada 20° | mg/L | 175 | 175 | 100 | 100 | 120 | 120 | 60 | 60 |
| 2. | COD | mg/L | - | - | 300 | 300 | 360 | 360 | 180 | 240 |
| 3. | Pepejal Terampai | mg/L | 150 | 150 | 120 | 120 | 150 | 150 | 100 | 120 |
| 4. | Minyak Dan Gris | mg/L | - | - | - | - | - | - | 20 | 20 |
| 5. | Nitrogen Ammonia | mg/L | 100 | 100 | 80 | 80 | 70 | 70 | 60 | 60 |

- v. Walau bagaimanapun, sistem rawatan kumbahan yang diluluskan sebelum 10 Disember 2009 **hendaklah dinaiktaraf** bagi mematuhi standard pematuhan efluen Para (i), Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 seperti yang ditetapkan oleh JAS.
- vi. Manakala bagi SSTS, pemohon hendaklah mengemukakan laporan ujian kualiti efluen yang mematuhi standard yang ditetapkan di bawah *Malaysian Standard MS 2441-2:2014 On Site Sewage Treatment Units – Part 2: Packaged Prefabricated Small Sewage Treatment System Specifications* seperti yang berikut:

| NO. | PARAMETER | UNIT | PEMATUHAN STANDARD (<i>Modify B</i>) |
|-----|------------------|------|--|
| 1. | BOD | mg/L | 35 |
| 2. | COD | mg/L | 160 |
| 3. | Pepejal Terampai | mg/L | 75 |
| 4. | Minyak dan Gris | mg/L | 7.5 |

vii. Laporan ujian kualiti efluen **tidak perlu dikemukakan bagi permohonan lesen kelas untuk sistem pembetungan jenis stesen pam kumbahan.**

6.7 Senarai Semak Dokumen Sokongan

- i. Senarai semak bagi dokumen sokongan yang perlu dikemukakan bagi permohonan lesen kelas mengikut jenis lesen dan jenis sistem adalah seperti yang berikut:

| NO. | SENARAI SEMAK | BEKALAN AIR | | | PEMBETUNGAN | | |
|--------------------------|--|-------------|---|-------|-------------|---|-------|
| | | K | P | K & P | K | P | K & P |
| A Maklumat Umum | | | | | | | |
| 1. | Dokumen pengenalan / pendaftaran syarikat / perniagaan yang terkini | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| B Lesen Kemudahan | | | | | | | |
| 2. | Dokumen kelulusan bagi sistem yang diluluskan sebelum Akta 655 berkuatkuasa <i>(Nota: Dokumen hanya perlu dikemukakan sekali sahaja semasa kali pertama memohon melalui sistem eCLAPS kecuali jika dokumen tersebut mempunyai tempoh luput)</i> | | | | | | |
| a) | Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) / Sijil Layak Menduduki (CF) / Surat Pengesahan Siap Kerja (LOC) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) / Sijil Kesempurnaan Pembinaan Lebuhraya (SKPL) | ✓ | - | ✓ | ✓ | - | ✓ |

| NO. | SENARAI SEMAK | BEKALAN AIR | | | PEMBETUNGAN | | |
|-----|--|-------------|---|-------|-------------|---|-------|
| | | K | P | K & P | K | P | K & P |
| | b) Akuan berkanun (Rujuk Lampiran B) jika tiada dokumen seperti di no. 2(a) | √ | - | √ | √ | - | √ |
| 3. | Dokumen kelulusan bagi sistem yang diluluskan selepas Akta 655 berkuatkuasa <i>(Nota: Dokumen hanya perlu dikemukakan sekali sahaja semasa kali pertama memohon melalui sistem eCLAPS kecuali jika dokumen tersebut mempunyai tempoh luput)</i> | | | | | | |
| | a) Surat kelulusan SPAN bagi pembinaan sistem bekalan air di bawah seksyen 45, Akta 655 | √ | - | √ | - | - | - |
| | b) Surat Pengesahan Siap Kerja Pembetungan daripada IWK | - | - | - | √ | - | √ |
| | c) CCC / CF / SKPL (dikemukakan sekiranya tiada dokumen 3(a) atau 3(b)) | √ | - | √ | √ | - | √ |
| | d) Akuan berkanun (Rujuk Lampiran B) jika tiada dokumen seperti di no. 3(a), 3(b) atau 3(c) | √ | - | √ | √ | - | √ |
| 4. | Dokumen bukti pemilikan loji seperti: a) Geran tanah; atau b) Bil cukai tanah; atau c) Hasil carian Pejabat Tanah; atau d) Rekod pajakan di atas nama pemohon; atau e) Perjanjian penyewaan tanah atau premis; atau | √ | - | √ | √ | - | √ |

| NO. | SENARAI SEMAK | BEKALAN AIR | | | PEMBETUNGAN | | |
|-----|---|-------------|---|-------|-------------|---|-------|
| | | K | P | K & P | K | P | K & P |
| | f) Dokumen lain yang berkaitan (Contoh: <i>Power of Attorney</i>) (Nota: Dokumen bagi item a dan d hanya perlu dikemukakan sekali sahaja semasa kali pertama memohon melalui sistem eCLAPS. Manakala bagi item b, c, e dan f, dokumen yang dikemukakan hendaklah yang terkini) | | | | | | |
| 5. | Surat makluman daripada pemilik loji berhubung pelantikan pihak pengendali loji (jika pemohon lesen kemudahan dan perkhidmatan berbeza) | √ | √ | - | √ | √ | - |
| 6. | Surat permohonan / lesen abstraksi / kelulusan ambilan air mentah daripada kerajaan negeri / daerah | √ | - | √ | - | - | - |
| C | Lesen Perkhidmatan | | | | | | |
| 7. | Laporan ujian kualiti efluen (Tidak terpakai bagi sistem yang baru diluluskan tidak melebihi 6 bulan dan masih belum beroperasi) | - | - | - | - | √ | √ |
| 8. | Laporan ujian kualiti air terawat (Tidak terpakai bagi sistem yang masih belum beroperasi atau baru 6 bulan diluluskan) | - | √ | √ | - | - | - |
| 9. | Surat makluman daripada pemilik loji berhubung pelantikan pihak pengendali loji (jika pemohon lesen | - | √ | - | - | √ | - |

| NO. | SENARAI SEMAK | BEKALAN AIR | | | PEMBETUNGAN | | |
|-----|-------------------------------------|-------------|---|-------|-------------|---|-------|
| | | K | P | K & P | K | P | K & P |
| | kemudahan dan perkhidmatan berbeza) | | | | | | |

Nota:

K: Kemudahan

P: Perkhidmatan

K & P: Kemudahan dan Perkhidmatan

7.0 TATACARA PERMOHONAN LESEN KELAS

- 7.1 Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan lesen kelas secara dalam talian melalui sistem eCLAPS yang boleh dicapai melalui pautan [**https://eclaps.span.gov.my/login**](https://eclaps.span.gov.my/login). Pengguna sistem eCLAPS buat kali pertama perlu membuat pendaftaran akaun pengguna.
- 7.2 Permohonan pendaftaran semula lesen kelas boleh dikemukakan seawal **enam (6) bulan sebelum tamat tempoh lesen** sedia ada. Pemohon dinasihatkan untuk mengemukakan permohonan **selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum** tamat tempoh lesen bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan dikenakan kerana kegagalan memegang lesen kelas setelah tamat tempoh lesen tersebut.
- 7.3 Bagi permohonan pendaftaran semula buat kali pertama melalui sistem eCLAPS, pemohon perlu membuat carian sistem bekalan air atau pembetungan persendirian yang pernah didaftarkan sebelum ini di halaman utama sistem eCLAPS terlebih dahulu. Setelah proses pengesahan selesai, pemohon boleh meneruskan permohonan pendaftaran semula.

8.0 KELULUSAN / PENOLAKAN / PENGEMASKINIAN PERMOHONAN LESEN KELAS

- 8.1 Pemohon akan dimaklumkan berhubung status permohonan samada diluluskan atau ditolak dalam tempoh **empat belas (14) hari bekerja** dari tarikh permohonan dikemukakan.
- 8.2 Pemohon akan menerima notifikasi e-mel dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** dari tarikh permohonan dikemukakan jika permohonan didapati tidak lengkap untuk pengemaskinian. Pemohon perlu membuat pengemaskinian dan mengemukakan semula permohonan di dalam eCLAPS dalam tempoh **30 hari** dari tarikh notifikasi e-mel. Sekiranya permohonan tidak diterima dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan akan terbatal dan tindakan penguatkuasaan akan diambil selaras dengan seksyen 20, Akta 655 kerana kegagalan memegang lesen kelas. Carta alir bagi pemprosesan dan kelulusan bagi permohonan baru dan pendaftaran semula lesen kelas boleh dirujuk di **Lampiran I dan II**.
- 8.3 Bagi permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat permohonan, pemohon akan menerima notifikasi e-mel berhubung pembayaran fi pendaftaran lesen kelas yang perlu dijelaskan dalam tempoh **tujuh (7) hari dari tarikh e-mel**. Fi berkaitan lesen kelas boleh dirujuk di dalam jadual seperti di item 9.1.
- 8.4 Notis pendaftaran lesen kelas boleh dicetak sendiri oleh pemohon selepas menerima notifikasi e-mel melalui sistem eCLAPS. Notis pendaftaran hanya boleh dicetak setelah bayaran fi pendaftaran dijelaskan dan permohonan diluluskan oleh pihak SPAN.
- 8.5 Pendaftaran lesen kelas adalah sah untuk tempoh **tiga (3) tahun**. Fi pendaftaran **tidak akan dikembalikan** sekiranya pendaftaran dibatalkan sebelum tamat tempoh lesen.

- 8.6 Setiap pemegang lesen kelas adalah **tertakluk** kepada syarat-syarat standard di bawah peraturan 25, Peraturan Pelesenan dan syarat-syarat khas yang ditetapkan.
- 8.7 Setelah permohonan diluluskan, setiap pemegang lesen kelas perlu mengemukakan laporan ujian kualiti air terawat atau efluen secara berkala mengikut kaedah seperti yang berikut:
- a. **Permohonan diluluskan sebelum 13 Oktober 2021:**
- i. Pemegang lesen kelas hendaklah mengemukakan laporan ujian kualiti air atau efluen terawat kepada Pejabat SPAN Wilayah/Cawangan yang berkaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam surat kelulusan.
- ii. Laporan ujian kualiti air terawat atau efluen hendaklah dikemukakan setiap **enam (6) bulan sekali** atau apa-apa tempoh lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya sebagaimana yang dinyatakan di dalam syarat khas. Bagi sistem jenis SSTS, laporan ujian kualiti efluen hendaklah dikemukakan setiap **satu (1) tahun sekali**.
- b. **Permohonan diluluskan selepas 13 Oktober 2021 melalui sistem eCLAPS:**
- i. Pemegang lesen kelas hendaklah memuat naik laporan ujian kualiti air atau efluen terawat melalui sistem eCLAPS sebagaimana yang dinyatakan di dalam surat kelulusan.
- ii. Laporan ujian kualiti air terawat atau efluen hendaklah dimuat naik setiap **enam (6) bulan sekali** atau apa-apa tempoh lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya sebagaimana yang dinyatakan di dalam syarat khas. Bagi

sistem jenis SSTS, laporan ujian kualiti efluen hendaklah dimuat naik setiap **satu (1) tahun sekali**.

9.0 BAYARAN FI PENDAFTARAN LESEN KELAS

- 9.1 Fi yang perlu dibayar berkaitan lesen kelas adalah seperti dalam jadual di bawah:

| JENIS-JENIS FI | FI (RM) |
|--|---------|
| Fi pendaftaran | 500 |
| Permohonan untuk salinan notis pendaftaran lesen kelas yang diakui sah | 50 |
| Permohonan untuk salinan lesen kelas yang diperakui benar | 50 |
| Fi bagi penukaran maklumat dalam pendaftaran lesen kelas | 50 |
| Fi untuk membuat salinan, atau mengambil petikan dari, daftar | 50 |

- 9.2 Bayaran fi pendaftaran lesen kelas sejumlah RM500.00 bagi setiap lokasi sistem boleh dibuat secara dalam talian menggunakan kaedah FPX atau Kad Kredit/Debit. Bayaran hendaklah **dijelaskan dalam tempoh tujuh (7) hari** dari tarikh e-mel notifikasi.
- 9.3 Sekiranya gagal mengemukakan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan, tindakan penguatkuasaan akan diambil di atas kegagalan memegang lesen kelas.

10.0 PERUBAHAN BUTIRAN NOTIS PENDAFTARAN LESEN KELAS

- 10.1 Sekiranya terdapat perubahan sebarang butiran di dalam notis pendaftaran lesen kelas, pemegang lesen kelas hendaklah **membuat pindaan maklumat yang berkaitan melalui sistem eCLAPS** dengan segera berserta **bayaran fi yang telah ditetapkan** seperti di dalam jadual di perenggan 9.1.
- 10.2 Jika perubahan butiran adalah berkenaan lokasi sistem atau terdapat perubahan kepada sistem seperti penaiktarafan loji atau peningkatan kapasiti loji, pemilik atau pengendali perlu mengemukakan permohonan baru dan suatu notis pendaftaran yang baru akan dikeluarkan oleh SPAN.
- 10.3 Pendaftaran pemegang lesen kelas boleh dibatalkan dengan serta merta sekiranya SPAN mendapati bahawa maklumat yang dikemukakan semasa permohonan adalah palsu atau mengelirukan.

11.0 LAWATAN TAPAK BAGI MEMERIKSA KEADAAN LOJI RAWATAN AIR/LOJI RAWATAN KUMBahan

- 11.1 SPAN akan melaksanakan lawatan tapak bagi memeriksa keadaan sistem bekalan air atau sistem pembetungan persendirian yang baru didaftarkan. Selain itu, lawatan tapak juga akan dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali di sepanjang tempoh lesen kelas bagi sistem sedia ada yang didaftarkan semula.
- 11.2 Sekiranya didapati sistem berada dalam keadaan yang **tidak memuaskan**, pemegang lesen kelas dikehendaki membuat tindakan pembaikan dalam suatu tempoh masa yang ditetapkan SPAN. SPAN akan memantau tindakan pembaikan dari semasa ke semasa sehingga loji dibaik pulih sepenuhnya dan berada dalam keadaan yang baik.

- 11.3 Kegagalan mematuhi arahan SPAN dan ketidak patuhan kepada syarat-syarat lesen kelas boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan dikenakan ke atas pemegang lesen kelas.

Bahagian Pelesenan dan Tarif
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

(SILA GUNAKAN KEPALA SURAT SYARIKAT)

Pengarah Kanan

Bahagian Pelesenan dan Tarif

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

Aras Satu, Prima Avenue, Blok 3510

Jalan Teknokrat 6

63000 CYBERJAYA

Selangor Darul Ehsan

Puan,

**HAK PENGGUNAAN TANAH BAGI TUJUAN SISTEM BEKALAN AIR/
PEMBETUNGAN PERSENDIRIAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak kami adalah dengan ini mengesahkan bahawa pihak(nama syarikat pemohon)..... telah diberikan hak untuk menggunakan tanah milik(nama pemilik tanah)..... untuk tempoh bagi tujuan sistem bekalan air/pembetungan persendirian di lokasi(alamat lokasi sistem).....

3. Sehubungan itu, sebarang perkara berkaitan permohonan untuk mendapatkan notis pendaftaran lesen kelas adalah di bawah tanggungjawab(nama syarikat pemohon).....

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

(SURAT INI HENDAKLAH DIKELUARKAN OLEH PEMILIK TANAH)

AKUAN BERKANUN
STATUTORY DECLARATION

PERMOHONAN NOTIS PENDAFTARAN LESEN KELAS
APPLICATION FOR CLASS LICENSE REGISTRATION NOTICE

Saya/Kami* _____
 I/We _____ (nama dalam huruf besar/ *name in capital letters*)

K.P. no. / no. paspot _____ secara persendirian / selaku wakil* bagi:
Identity card no/ passport no. personally/ *on behalf of:*

(syarikat, pertubuhan, institusi atau perniagaan / *company, agency, institution or business*)

beralamat di _____
having an address at _____

(alamat syarikat, pertubuhan, institusi atau perniagaan/ *address of the company, agency, institution or business*)

dengan sesungguh dan sebenarnya mengakui bahawa:
do solemnly and sincerely declare that-

sistem bekalan air persendirian / sistem pembetungan persendirian* saya/kami* adalah mematuhi spesifikasi dan kehendak yang dinyatakan dalam Akta atau perundangan subsidiarinya atau diluluskan oleh pihak berkuasa, Suruhanjaya atau orang berkelayakan

the private water treatment system/ private sewerage system complies with the specifications and requirements stipulated in the Act or its subsidiary legislation or is approved by relevant authorities, Commission or qualified person*

Saya/Kami* membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa butir-butir yang diberikan di atas adalah benar, serta menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960

I/We* make this solemn declaration conscientiously believing the same to be true and by virtue of the provisions of the Statutory Declarations Act 1960

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui
 oleh yang tersebut namanya di atas
Subscribed and solemnly declared by the abovenamed

di/ at _____



Di hadapan saya

pada/*this* ____ haribulan/*day of*_____, 20____

Before me

* Potong mana yang tidak berkenaan

* *Delete whichever is inapplicable*

(Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen,
 Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)
*(Signature of Sessions Court Judge, Magistrate or
 Commissioner of Oaths)*

| Carta Alir Permohonan Baru | Keterangan |
|--|---|
| <pre> graph TD Mula[Mula] --> D1[Permohonan dihantar melalui eCLAPS] D1 --> D2[Semakan / verifikasi] D2 --> D3{Permohonan lengkap / sah?} D3 -- Ya --> D4[Kelulusan Suruhanjaya] D3 -- Tidak lengkap --> D5[Pemohon mengemaskini permohonan] D3 -- Tidak sah --> D6[Permohonan dibatalkan] D5 --> D3 D6 -.-> D3 D4 --> D7[Pemohon terima notifikasi bayaran fi pendaftaran] D7 --> D8{Bayaran diterima?} D8 -- Ya --> D9{Permohonan lulus?} D8 -- Tidak --> D10[Permohonan ditolak] D9 -- Ya --> D11[Lawatan tapak] D9 -- Ya --> D12[Pemohon cetak notis pendaftaran] D11 --> D13{Keadaan loji memuaskan} D12 --> D13 D13 -- Ya --> D14[Tamat] D13 -- Tidak --> D15{Pemohon baik pulih loji?} D15 -- Ya --> D16[Tindakan penguatkuasaan] D15 -- Tidak --> D14 D16 -.-> D14 </pre> <p>Tempoh masa pemprosesan adalah 14 hari bekerja (no. 1 – 4)</p> | <ol style="list-style-type: none"> Pemohon mengemukakan permohonan melalui eCLAPS: https://eclaps.span.gov.my/login SPAN akan menyemak dan membuat verifikasi maklumat dan dokumen permohonan. Jika permohonan tidak lengkap, pemohon akan menerima e-mel untuk mengemaskini maklumat/dokumen permohonan. Jika permohonan tidak sah, pemohon akan menerima notifikasi e-mel yang memaklumkan permohonan dibatalkan. Jika permohonan lengkap dan disahkan, pemohon akan menerima e-mel makluman untuk membuat bayaran fi pendaftaran lesen kelas. Jika bayaran fi dijelaskan dan permohonan diluluskan, pemohon boleh mencetak notis pendaftaran lesen kelas. SPAN akan mengadakan lawatan tapak setelah permohonan diluluskan bagi memastikan keadaan loji adalah memuaskan. Sekiranya keadaan loji tidak memuaskan, pemohon akan diminta untuk membaik pulih loji dalam tempoh masa yang ditetapkan. |

| Carta Alir Permohonan Pendaftaran Semula (Pembaharuan) | Keterangan |
|--|--|
| <pre> graph TD Mula[Mula] --> Carian1[Carian loji berdaftar di dalam eCLAPS] Carian1 --> Permohonan1[Permohonan dihantar melalui eCLAPS] Permohonan1 --> Semakan3[Semakan / verifikasi] Semakan3 --> Lawatan4[Lawatan tapak oleh Pejabat Wilayah/ Cawangan SPAN] Lawatan4 --> Ya5[Ya] Ya5 --> Lengkap5[Permohonan lengkap/sah?] Lengkap5 -- Ya --> Kelulusan6[Kelulusan Suruhanjaya] Lengkap5 -- Tidak lengkap --> Dibatalkan6[Permohonan dibatalkan] Dibatalkan6 --> Tamat6[Tamat] Kelulusan6 --> Bayaran7[Bayaran diterima?] Bayaran7 -- Ya --> Lulus6[Permohonan lulus?] Bayaran7 -- Tidak --> Tindakan8[Tindakan penguatkuasaan] Lulus6 -- Ya --> Notis9[Pemohon mencetak notis pendaftaran lesen kelas] Notis9 --> Tamat9[Tamat] Lulus6 -- Tidak --> Tindakan8 Tindakan8 --> Tamat8[Tamat] </pre> <p>Tempoh masa pemprosesan adalah 14 hari bekerja (no. 2 – 6)</p> | <ol style="list-style-type: none"> Pemohon mengemukakan permohonan melalui eCLAPS: https://eclaps.span.gov.my/login. Pemohon perlu membuat carian loji yang pernah didaftarkan sebelum ini di halaman utama sistem eCLAPS. Pemohon perlu log masuk eCLAPS dan membuat permohonan Pendaftaran Semula (Pembaharuan). SPAN akan menyemak dan membuat verifikasi maklumat dan dokumen permohonan. Jika permohonan tidak lengkap, pemohon akan menerima e-mel untuk mengemaskini maklumat/dokumen permohonan. Jika permohonan tidak sah, pemohon akan menerima notifikasi e-mel yang memaklumkan permohonan dibatalkan. SPAN akan menyemak samada lawatan tapak telah dilaksanakan oleh Pejabat Wilayah (PW)/ Cawangan (PCw). Jika belum, lawatan tapak perlu dilaksanakan terlebih dahulu dan permohonan hanya akan diproses setelah lawatan tapak dilaksanakan. Jika permohonan lengkap dan disahkan, pemohon akan menerima e-mel makluman untuk membuat bayaran fi pendaftaran lesen kelas. Jika bayaran fi dijelaskan dan permohonan diluluskan, pemohon boleh mencetak notis pendaftaran lesen kelas. |